

## **PENERIMAAN BUKAN ISLAM TERHADAP PROSES ISLAMISASI DI MALAYSIA**

(The Acceptance of Non-Muslim towards Islamization Process in  
Malaysia)

ABDULL RAHMAN MAHMOOD\*  
KAMARUDDIN HJ SALLEH  
AHMAD SUNAWARI LONG  
FAUZINAIM BADARUDDIN

Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

---

### **ABSTRAK**

*Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Agama Islam merupakan agama bagi Persekutuan tetapi penganut agama lain diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan mereka. Sejarah menunjukkan agama Islam telah berkembang dan bertapak lama di Tanah Melayu dan kebangkitan Islam dilihat mula berkembang pada era 70-an sehingga mencetuskan banyak perubahan melalui proses Islamisasi yang diketengahkan. Tulisan ini mencuba meninjau tahap kefahaman dan penerimaan orang bukan Islam di Malaysia terhadap proses Islamisasi yang diterapkan. Maklumat yang diketengahkan adalah berdasarkan kajian perpustakaan yang memfokuskan tulisan dan pandangan orang bukan Islam mengenai Islam. Secara umumnya masyarakat bukan Islam masih belum boleh menerima dan memahami ajaran Islam secara jelas.*

**Kata Kunci:** *Agama, Islamisasi, Kefahaman, Penerimaan, Bukan Islam*

### **ABSTRACT**

*Malaysia is a multi-religious country. It has been clearly spelled out in the Constitution that Islam is the religion of the Federation. However, it should be noted that other religious are free to be expressed in their own ways as well. Histories showed that Islam developed since the 1970s and ignite many colourful changes throughout the Islamisation processes that have been evolved. This writing is trying to review the non-Muslims' understanding and acceptance towards the Islamisation process in Malaysia. This review is based*

---

\*Corresponding Author: Abdull Rahman Mahmood, Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, Emel: abrm@ukm.my  
Diterbitkan: 11 April 2009  
Diterima: 27 Jun 2009  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0102-03>

*on the library researches and references from the diverse sources. Generally, the non-Muslims in Malaysia are not really understand and accepting the Islam as a way of life.*

**Keywords:** *Religion, Islamisation, Understanding, Acceptance, Non-Muslim*

## PENDAHULUAN

Islam memberikan landasan agama dan psikologi kepada umatnya untuk menerima kehadiran agama lain dan membuat hubungan baik sesama umatnya. Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah mengutus nabi kepada setiap umat, dan setiap umat Islam harus menerima mereka tanpa membeza-bezakan antara satu sama lain (al-'Imran 3:34). Al-Qur'an juga mengakui kepelbagaian agama (al-Baqarah 2:62), mengajarkan prinsip yang jelas tentang kebebasan beragama (al-Baqarah 2:256), hidup bersama dengan aman damai (al-Ankabut 29:46), bahkan menggalakkan semangat untuk saling berlumba dalam berbuat kebajikan (al-Ma'idah 5:48) dan bersikap positif dalam berhubungan serta bekerjasama dengan umat yang berlainan agama (al-Mumtahanah 60:8). Al-Qur'an juga dengan tegas mewajibkan umat Islam untuk bertindak adil terhadap orang bukan Islam (al-Ma'idah 5:8) dan untuk melindungi tempat ibadat semua agama (al-Hajj 22:40).

Sepanjang sejarah Malaysia daripada era klasik (1400) hingga kepada era selepas merdeka (1960-2000) Islam telah menjadi kuasa utama yang membawa perubahan kepada masyarakat Melayu. Merujuk pada politik hukum dan penggubalan dasar-dasar awam di Malaysia, fungsi Islam ini tidak terhad kepada pengamalan ritual semata-mata tetapi turut menjadi inspirasi dan mekanisme utama yang diterapkan ke dalam sesuatu dasar awam. Hal ini antara lainnya boleh dikesan daripada pengenalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara yang kemudiannya diikuti dengan pelbagai program Islamisasi yang membuahkan hasil yang cukup memberansangkan dalam pelbagai dimensi (Mohammad Kamil Abdul Majid & Rahimin Affandi Abdul Rahim 2006).

Walaupun Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ini mendapat reaksi yang pelbagai daripada masyarakat terutamanya masyarakat bukan Islam, ia mempunyai tujuan yang baik dan akan memberi manfaat kepada semua pihak. Apa yang ingin dilaksanakan adalah suatu usaha membentuk modal insan yang berkualiti serta proaktif dalam melaksanakan peranan yang dipegang dalam sesebuah keluarga, masyarakat mahupun negara. Sekiranya ini tercapai, adalah sesuatu yang bukan mustahil untuk negara seperti Malaysia dimartabatkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini adalah kerana kecemerlangan dan kegemilangan hakiki sesebuah negara bukan hanya diukur dari sudut kemajuan material yang terdapat di negara tersebut sahaja, tetapi bagaimana kemajuan

tersebut mampu diselarikan dengan nilai-nilai murni seperti sikap amanah dan tanggungjawab yang merupakan kayu ukur penting yang mampu mengangkat martabat sesebuah negara.

Oleh sebab itu, Malaysia berusaha mewujudkan masyarakat maju yang beridentitikan Islam. Hal ini berasas kepada kesedaran betapa pembangunan fizikal atau material tanpa disertai dengan pembangunan rohani, lambat-laun akan menjerumuskan negara ke jurang kehancuran lantaran sikap negatif dan salah laku masyarakatnya. Oleh yang demikian, tulisan ini akan memfokus kepada sejauhmana penerimaan masyarakat terutama yang bukan Islam mengenai proses Islamisasi yang dijalankan. Penilaian yang dibuat tertumpu kepada tulisan-tulisan dan pandangan yang diberikan masyarakat bukan Islam di Malaysia.

## **ISLAMISASI DI MALAYSIA**

Islamisasi merujuk kepada proses pengIslaman dengan memasukkan nilai-nilai suci yang terdapat di dalam ajaran Islam. Dalam konteks Malaysia, Islamisasi diertikan sebagai proses menerapkan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia (Ahmad Fadhli Shaari 2001).

Proses Islamisasi ini bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti yang natijahnya akan melahirkan masyarakat yang cemerlang dari segenap aspek, baik dari sudut material mahupun spiritual. Seperti yang diketahui umum, tabii ajaran Islam adalah kemajuan dan ketamadunan. Jika Islam difahami dan diamalkan, secara automatik kemajuan akan tercapai.

Dalam Islam, kemajuan adalah suatu bentuk fitrah. Manusia tidak perlu lagi memikirkan kemajuan kerana apabila sahaja ajaran Islam diamalkan, ia akan melahirkan kemajuan dengan sendirinya. Misalnya, apabila tercetus sahaja perkara yang menjadi keperluan dharuri dalam masyarakat, maka orang kaya atas dasar mematuhi syariat akan berkorban. Katakan masyarakat perlukan sekolah, maka orang kaya akan membinanya atas dasar mematuhi tuntutan syariat. Oleh itu, dengan sendirinya terbina kemajuan. Sembahyang Jumaat misalnya, akan menyebabkan terbinanya masjid. Begitu juga dengan jalan raya, masjid dan lain-lain, akan terbinalah kemajuan apabila syariat terlaksana (Mohd Salleh Abas 1985). Dengan menghayati ajaran Islam ini, secara tidak langsung seseorang itu mampu membentuk kekuatan spiritual dalam diri seseorang individu dan seterusnya dengan kekuatan tersebut mampu menjana kemajuan dari sudut material.

Oleh sebab itu pentingnya nilai-nilai Islam untuk diterapkan agar setiap sudut ajaran Islam dapat dihayati dengan sempurna. Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang

berbeza-beza memerlukan nilai-nilai tertentu yang boleh diterima oleh semua masyarakat. Kekosongan nilai yang sejagat dan universal mungkin boleh mendorong masyarakat menerima nilai yang asing bagi masyarakat Malaysia. Penerimaan nilai asing ini boleh menyebabkan kesetiaan rakyat Malaysia serta identitinya sebagai satu warganegara akan menjadi keliru. Dari sudut sejarah juga telah terbukti ajaran Islam telah berkembang dan diamalkan sehingga menjadikan Melaka pada suatu ketika dahulu begitu berkembang maju dan terkenal di seluruh pelosok dunia.

## **SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE MALAYSIA**

Agama Islam telah menjadi agama orang Melayu sejak lebih 500 tahun dahulu. Agama Islam pertama kali di bawa ke sini oleh pedagang-pedagang Arab yang datang dari semenanjung Arab. Sejak itu orang Melayu mulai memeluk agama Islam. Mereka berperang pada masa lampau menentang kuasa-kuasa kolonial Eropah di antaranya Portugis dan Belanda bagi mempertahankan agama mereka. Apabila Portugis dan Belanda meninggalkan negeri ini yang seterusnya diambil alih oleh British, soal agama Islam tidak diganggu lagi.

Selepas perang Dunia Kedua, apabila pihak British menukar peranan mereka daripada menjadi penasihat kepada mentadbir negara ini secara langsung dengan memperkenalkan Perlembagaan Malayan Union dalam tahun 1946 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948, adat istiadat orang Melayu dan Agama Islam juga tidak disentuh oleh kuasa mereka. Dengan demikian, peruntukan perkara 3 Perlembagaan Malaysia yang mengistiharkan bahawa “Islam ialah agama bagi Persekutuan” membayangkan apa yang telah dipertahankan oleh orang Melayu sepanjang masa, malah sebelum kuasa British masuk ke Tanah Melayu. Dalam masa pentadbiran penjajahan British, British juga membawa masuk agama Kristian, sementara kaum yang datang membawa masuk agama lain seperti Hindu dan Buddha. Oleh yang demikian, menjadikan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan mestilah juga memberikan pertimbangan kepada lain-lain kepercayaan. Oleh itu, perkara 3 memperuntukkan suatu fasal imbalan yang menyebut “tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan” (Wan Zahidi Wan Teh 2007).

Berdasarkan bukti sejarah ini, menunjukkan bahawa Islam telah bertapak lama di Tanah Melayu. Walaupun begitu kedudukan agama Islam sedikit-sebanyak telah tergugat dengan kedatangan penjajah yang mempunyai agenda mereka yang bukan hanya untuk menguasai ekonomi tetapi dalam masa yang sama turut ingin menyebarkan agama Kristian. Perjuangan mendapatkan kembali kedudukan agama Islam di negara ini menemui sedikit kejayaan dengan pengisytiharan dalam perlembagaan bahawa “Islam ialah agama Persekutuan”.

## **KEDUDUKAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA**

Pemilihan agama Islam sebagai agama Persekutuan boleh didasarkan kepada fakta sejarah yang menunjukkan agama Islam telah bertapak lama di Tanah Melayu. Melihat kepada sejarah Malaysia, raja dan rakyat negeri Melaka telah memeluk agama Islam sebelum abad ke-15 Masihi lagi. Bukti-bukti sejarah seperti penerapan idea-idea Islam dalam kehidupan mereka, agama Islam yang sangat dikenali rapat di kalangan masyarakat Melayu di Melaka serta orang bukan Islam yang memeluk agama Islam dianggap ‘masuk Melayu’, jelas menunjukkan bahawa Islam telah bertapak kukuh sejak awal-awal lagi di Tanah Melayu.

Rakyat Malaysia menerima Islam sebagai agama rasminya seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini sekaligus membolehkan kerajaan pemerintah mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Namun begitu, Islam hanyalah terhad sebagai agama rasmi dan undang-undangnya masih bersifat sivil, lanjutan daripada penjajahan Inggeris. Ini tidak bermakna pemerintah tidak boleh menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam dasar-dasar pembangunannya serta strategi-strategi perancangannya (Abdul Aziz Bari 2006). Oleh sebab itu sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan, agama Islam boleh dimartabatkan dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni dalam strategi-strategi pembangunan negara. Ini kerana, faktor agama dilihat mampu menjadi pemangkin bagi hala tuju sesebuah negara seperti Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Agama Islam boleh menjadi teras dalam membentuk acuan negara yang lebih produktif dan berkembang maju untuk berhadapan dengan arus perkembangan semasa yang semakin berkembang pesat.

Jika dilihat kepada kedudukan agama dalam beberapa perlembagaan di dunia hari ini, kedudukan yang diberi kepada agama asal sesuatu negara itu tidaklah bertentangan secara langsung dengan hak-hak asasi khususnya hak kebebasan beragama. Selain merupakan pengiktirafan kepada kedudukan penduduk asal negara berkenaan, kita juga perlu sedar bahawa undang-undang umumnya dan hak-hak asasi khususnya tidak dilaksanakan dalam sebuah utopia atau alam impian. Agama dan tradisi kaum asal mempunyai alasan untuk diberikan kelebihan mengatasi agama-agama lain supaya wujud kestabilan. Jika ini tidak diberikan, penduduk asal mungkin merasa kedudukan mereka diketepikan dan dengan demikian mempunyai potensi untuk membara menjadi punca pertikaian. Kedudukan istimewa ini sah asalkan ia tidak sampai ke tahap fobia terhadap agama lain yang boleh membawa kepada pembersihan etnik sebagaimana yang berlaku di Bosnia atau Kosovo. Contoh-contoh yang menunjukkan agama asal diberikan pengiktirafan rasmi ialah kedudukan Gereja England di United Kingdom, mazhab Katolik di Republik Ireland atau mazhab Syiah di Republik Islam Iran.

Oleh yang demikian, selaras dengan kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Malaysia dan semangat serta aspirasi perlembagaan itu sendiri, usaha dibuat generasi terdahulu perlu diperkemas sehingga tiada lagi ruang bagi merungkaikan semula kedudukan ini. Adalah penting untuk kita mempertahankan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan kerana ia adalah kontrak sosial yang sudah dipersetujui bersama. Sesungguhnya kedudukan Islam bukanlah sekadar hiasan. Ia perlu diberi peranan dan diletakkan di tempat sewajarnya. Usaha menterjemahkan Islam dalam dasar pentadbiran dan pengurusan negara perlu dipertanggungjawabkan kepada semua pihak dan bukannya dipikul oleh kerajaan saja (Nazmy Sanusi 2008).

### **PANDANGAN-PANDANGAN NON MUSLIM MENGENAI ISLAM**

Isu yang berkaitan dengan keagamaan sentiasa menjadi isu utama dan sensitif, terutamanya di negara-negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Setiap etnik akan cuba mempertahankan anutan dan kepercayaan masing-masing. Apabila sesuatu dasar ingin diperkenalkan dengan memberikan kelebihan kepada penganut agama tertentu, maka tidak dapat tidak, akan menimbulkan pelbagai reaksi dan pandangan dari penganut agama-agama yang lain. Walaupun reaksi tersebut adalah reaksi yang positif mahupun negatif, dan pandangan yang diberikan adalah pandangan yang membina ataupun sebaliknya, ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Oleh yang demikian, proses Islamisasi yang cuba diterapkan ini tidak dapat lari daripada menerima maklum balas dari penganut-penganut agama yang lain. Secara umumnya perubahan yang berlaku di Malaysia pada ketika ini merisaukan masyarakat bukan Islam. Ini diakui sendiri oleh Setiausaha Majlis Uskup-Uskup Katolik Malaysia, Brother Augustine Julian yang menyatakan bahawa isu Islamisasi yang wujud ketika ini memang membimbangkan penganut bukan Islam. Proses Islamisasi yang berlaku bukan setakat mencabar Perlembagaan Negara yang memberikan kebebasan beragama kepada rakyat, malah masa depan amalan budaya serta cara hidup orang bukan Islam di negara ini semakin terhakis ekoran tindakan-tindakan yang didakwanya berasaskan politik. Fenomena Islamisasi ini menyebabkan penganut-penganut Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain agama berasa terancam dan tidak tahu apakah nasib masa depan agama serta budaya mereka (Lee Ban Chen 2002a).

Selain itu, apabila memperkatakan proses Islamisasi ini, maka tidak dapat tidak, isu yang berkaitan dengan Malaysia sebagai negara Islam juga tidak dapat dipinggirkan. Isu negara Islam ini dilihat kurang disenangi oleh masyarakat bukan Islam di Malaysia. Menurut penulis buku *Bumi di Pijak*, Lee Ban Chen, penubuhan negara Islam di Malaysia tidak praktikal jika diambil kira faktor-faktor seperti jaminan Perlembagaan Persekutuan bahawa negara Malaysia adalah negara sekular. Selain itu, penulis juga turut merujuk kepada

negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk dengan 40 peratus rakyatnya terdiri daripada orang bukan Islam. Justeru itu, untuk menubuhkan negara Islam di Malaysia adalah satu langkah yang tidak praktikal. Baginya, sekiranya negara Islam ditubuhkan, ini mungkin bercanggah atau sukar dikompromikan dengan nilai-nilai sejagat zaman kini, umpamanya kesetaraan kedudukan jantina, agama dan bangsa, hak-hak asasi manusia dan prinsip kebebasan dan demokrasi.

Beliau juga berhujah, jika persetujuan tidak dapat diperolehi daripada kaum dan rakyat bukan Islam, maka negara Islam tidak patut dipaksakan ke atas mereka walaupun melalui referendum kerana masalah berkaitan dengan kepentingan agama-agama yang lain dan rakyat bukan Islam tidak harus ditentukan oleh rakyat majoriti yang beragama Islam, apatah lagi negara Islam tidak semestinya menguntungkan umat Islam dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Selain itu beliau juga menyentuh tentang kebimbangan bukan Islam mengenai proses Islamisasi ini di dalam bukunya *Sejarah sebagai hakim muktamad*. Beliau mengulas mengenai kebimbangan perlumbaan Umno dengan Pas untuk mengIslamisasikan negara yang baginya nescaya akan terus mempolarisasikan rakyat Malaysia sebagai Islam dan bukan Islam dalam semua bidang. Beliau juga turut menyatakan bahawa beliau yakin Islam akan berkembang dan maju seiring dengan peredaran masa, jika umat Islam sanggup menjadikan 6 prinsip jaringan Islam liberal (Lee Ban Chen 2002b) berikut sebagai pegangan dalam menangani segala masalah yang berkaitan dengan Islam, iaitu : i) Keterbukaan pintu ijtihad dalam semua bidang, ii) Penekanan pada semangat religio-etik, bukan pada makna literal sebuah teks, iii) Kebenaran yang relatif, terbuka dan plural, iv) Pemihakan pada yang minoriti dan tertindas, v) Kebebasan beragama dan kepercayaan, vi) Pemisahan autoriti duniawi dan ukhrawi, autoriti keagamaan dan politik.

Salah seorang ahli parlimen, Lim Kit Siang turut mempersoalkan aspek yang berkaitan dengan negara Islam ini. Beliau menyatakan Malaysia tidak boleh dijadikan negara Islam kerana kurang dari 60% penduduk di Malaysia yang beragama Islam, dan beliau tetap berpendirian Malaysia adalah negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi. Beliau turut menyentuh berkaitan dengan negara Indonesia dengan penduduk Islam terbesar di dunia melebihi 200 juta penganut Islam adalah sebuah republik sekular dengan lima agama yang diiktiraf secara rasmi. Selain itu, baginya tiada prasyarat bahawa sebuah negara yang menjadi tuan rumah kepada OIC semestinya sebuah negara Islam dan fakta bahawa Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak OIC ke-10 tidak bererti bahawa Malaysia adalah negara Islam (Thock Ker Pong 2005).



Pandangan yang diberikan juga boleh dilihat dari sudut perjalanan politik sebelum ini. Menurut Thock Ker Pong dalam tulisannya 'Halatuju Politik Masyarakat Cina Malaysia Kontemporari Politik Desakan vs Politik Kompromi' menyatakan masyarakat Cina dalam dekad 70-an dan 80-an sebenarnya berada dalam politik penyisihan (*politics of exclusion*) di mana mereka merasakan telah disisihkan dalam hal penggubalan dasar-dasar negara. Akibat penghakisan kepentingan yang drastik, tempoh masa tersebut memperlihatkan orang Cina memberikan respons dengan memprotes dan menentang dasar-dasar yang pro-Melayu. Oleh kerana Islam dilihat sebagai agama orang Melayu dan dominan politik orang Melayu maka ini menimbulkan kemarahan sebahagian besar kaum Cina. Maka citra Islam juga buruk di mata mereka. Islam umumnya menimbulkan reaksi negatif dan dimusuhi oleh orang Cina dan bukan Islam. Oleh yang demikian, usaha menubuhkan negara Islam dianggap suatu lagi usaha mengenakan kuasa orang Melayu. Ia disalah ertikan sebagai suatu lagi manifestasi kuasa politik orang Melayu (Terence Chong 2006).

Terdapat juga dakwaan yang dikemukakan oleh Augustine (dlm Nazmy Sanusi 2008) yang menyatakan disebabkan kerajaan Malaysia kini didominasi oleh parti yang berkaitan dengan Islam dan Melayu, terdapat usaha dilakukan untuk menyekat orang-orang Melayu berfikiran lebih liberal dan terbuka dalam membincangkan soal agama secara lebih matang dan terbuka. Mereka menyatakan bahawa mereka mengkaji semua agama dan faham kehendak serta keperluan mereka dan bersedia untuk duduk semeja dan berbincang, tetapi orang yang beragama Islam enggan menyertainya kerana beranggapan Islam tidak boleh disamaratakan dengan agama-agama lain.

Selain itu, gagasan Islam Hadhari yang diperkenalkan pada 2004 oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mendapat perhatian daripada masyarakat bukan Islam (JAKIM 2006). Terence Chong (2006) umpamanya dalam tulisannya *'The Emerging Politics of Islam Hadhari'* menyentuh bahawa idea Islam Progresif bukanlah suatu yang baru tetapi mengulangi kembali landskap politik rakyat Malaysia semenjak awal 1970-an. Sepuluh prinsip Islam Hadhari yang telah dirancang adalah untuk memperkasakan orang Islam bagi berhadapan dengan cabaran-cabaran global pada hari ini dan agar kaum Melayu menjadi lebih berjaya pada tahap global. Beliau juga berpendapat setelah berlakunya peristiwa 11 September 2001, Islam Hadhari akan membuka jalan kepada Malaysia untuk menjadi tauladan kepada masyarakat Islam sedunia (Sarjit Singh 2006).

Sarjit Singh (2006) pula berpandangan pendekatan Islam Hadhari penting kerana menekankan ketamadunan Islam yang berpaksikan kepada ajaran asas agama tersebut. Katanya konsep Islam Hadhari yang membawa pendekatan mulia dalam pembentukan sebuah negara yang harmoni disalah anggap oleh orang Melayu. Ada dua pandangan popular dalam masyarakat bukan Islam. Pertama, apakah Islam Hadhari agama baharu? Dan yang keduanya adakah



Islam Hadhari satu proses Islamisasi yang baharu di Malaysia? Menurutnya kedua-dua pandangan tersebut perlu diberi perhatian secara ilmiah. Masyarakat bukan Islam memaklumkan bahawa wacana mengenai Islam Hadhari agak lesu di kalangan orang Melayu dan ada pelbagai pandangan dan kritikan mengenai Islam Hadhari. Orang bukan Melayu semacam keliru dan mahukan penjelasan lebih lanjut mengenai agenda murni yang dibawa YAB Perdana Menteri. Agenda murni YAB PM semacam tidak difahami oleh barisan kepimpinan negara. Jarang sekali kedengaran wakil rakyat terutama Melayu menyentuh mengenai Islam Hadhari pada majlis perasmian pelancaran dan keramaian pada peringkat nasional dan negeri (Ensiklopedia Dunia 2005).

Selain itu, Anil Netto yang menulis mengenai *Dinamik perubahan dalam masyarakat pelbagai budaya di Malaysia* pula telah menyentuh mengenai kesamaran fungsi mahkamah lebih-lebih lagi mahkamah Syariah. Beliau telah mempersoalkan mengenai ketidakjelasan kuasa antara mahkamah sivil dan sistem perundangan Islam. Tafsiran atau salah tafsiran terhadap Artikel 121 (1A), telah menyebabkan terdapatnya lompong dalam undang-undang yang berkaitan dengan banyak kes sehingga pihak yang menuntut hak keadilan, seperti tidak mempunyai jalan keluar di bawah undang-undang ini. Walaupun terdapat peruntukan yang menyatakan mahkamah tinggi (mahkamah sivil), tidak mempunyai apa-apa kuasa pun terhadap undang-undang yang berada di bawah kuasa mahkamah syariah, tetapi peruntukan ini tidak mengambil kira kesusahan orang yang sudah menukar agama mereka dan tidak lagi mengaku mereka Islam; atau pasangan suami-isteri bukan Islam yang salah seorang daripadanya memeluk agama Islam kemudian.

Menurutnya lagi, kumpulan masyarakat awam, terutama sekali kumpulan wanita, telah melahirkan rasa bimbang mereka terhadap impak negatif dan diskriminasi dari sistem dua mahkamah ini ke atas pasangan bukan Islam seperti kes Shamala (dlm Anil Neto 2007) pada tahun 2002. Mereka menyokong hak pasangan yang telah memeluk agama Islam mengamalkan ajaran pilihannya itu, tetapi mereka menyatakan bahawa hak si bapa dan agama barunya tidak boleh mendahului hak ibu atau pasangannya yang bukan Muslim dan agamanya. Dengan demikian, perkumpulan wanita membahaskan bahawa, antara lain hak-hak wanita bukan Muslim yang sudah berkahwin ialah hak dan kewajipan yang terkandung dalam perjanjian perkahwinan undang-undang sivil walaupun pasangannya sudah memeluk agama Islam, hak supaya semua isu berkaitan dengan undang-undang perkahwinan sivil diselesaikan menurut undang-undang sivil dan penghukuman hanya dalam mahkamah sivil, hak kesamarataan sebagai ibu bapa untuk membuat keputusan berhubung dengan cara membesarkan anak-anaknya dan hak supaya diberitahu tentang penukaran agama pasangannya.

Maklum balas yang diberikan oleh beberapa tokoh di kalangan masyarakat bukan Islam ini mungkin tidak dapat mewakili pandangan keseluruhan masyarakat bukan Islam di Malaysia. Namun pandangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran bagaimana penerimaan mereka mengenai proses Islamisasi yang sedang berkembang dan juga kefahaman mereka mengenai ajaran Islam itu sendiri.

## **ISU-ISU YANG DIKAITKAN DENGAN PROSES ISLAMISASI**

Berdasarkan beberapa pandangan yang diberikan oleh masyarakat bukan Islam di Malaysia mengenai Islam, maka kesimpulan umum boleh dibuat menunjukkan masyarakat bukan Islam di Malaysia masih belum dapat menerima beberapa perubahan atau proses Islamisasi yang berlaku di Malaysia. Kebimbangan di kalangan masyarakat bukan Islam di Malaysia dilihat agak jelas kelihatan berdasarkan pandangan yang diberikan. Antara aspek yang disentuh yang menyebabkan mereka agak kurang bersetuju dengan perubahan yang telah dan ingin digarapkan adalah berkaitan dengan:

### **1. Kebebasan beragama**

Proses Islamisasi yang berlaku di negara Malaysia dianggap boleh mencabar perlembagaan negara yang memberikan kebebasan beragama kepada rakyatnya. Apabila ini berlaku, secara tidak langsung akan menjejaskan amalan budaya dan cara hidup mereka. Dari sudut perlembagaan negara Malaysia, kebebasan beragama boleh dilihat berdasarkan perkara 3 (1) yang memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Meskipun Islam menjadi agama rasmi Malaysia, kerajaan Malaysia tidak boleh memaksa rakyatnya untuk memeluk agama Islam. Ini menunjukkan Malaysia menghormati agama lain dan kebebasan rakyat untuk memilih agama. Ini juga telah jelas dalam ajaran Islam yang menjamin kebebasan beragama atau kebebasan berakidah kepada semua manusia. Perkara ini dijelaskan di dalam al-Qur'an surah al-Baqarah yang bermaksud "tiada paksaan dalam agama Islam" (al-Baqarah 2:206).

Islam sangat menghargai kebebasan individu. Keimanan seseorang merupakan urusan Allah S.W.T sebagai pemberi hidayat. Allah S.W.T hanya memerintahkan manusia untuk menyeru menerusi dakwah, tanpa boleh memaksa dengan kekerasan (al-Kahfi 18:29). Kebebasan beragama sebagai hak asasi manusia secara terperinci disebut dalam al-Qur'an (al-Kafirun 109:1-6). Oleh yang demikian, Islam tidak mahu ada pihak yang melanggar hak asasi orang lain dengan cara apa pun. Sebaliknya, umat Islam diperintahkan untuk tidak mengganggu atau mengacau penganut agama lain.

Kebebasan ditegaskan dalam Islam melalui arahan-arahan al-Qur'an. Al-Qur'an membenarkan kebebasan berfikir, kebebasan aqidah dan kebebasan pendapat. Dalam lapangan pemikiran, Islam menitikberatkan kebebasan dengan membebaskan akal daripada khayalan dan khurafat. Sejarah membuktikan betapa dasar ini telah dipraktikkan secara amali dengan penuh keadilan dan kemuliaan. Orang-orang yang beragama Kristian yang berada di dalam negara Islam tidak dipaksa memeluk Islam. Sejarah Islam dengan segala catatan peristiwa yang terkandung di dalamnya dipenuhi oleh penghormatan terhadap golongan pemerintah dan orang awam. Dalam kebebasan bersuara pula, syariah Islam membenarkan manusia meluahkan apa-apa yang dirasakan dan yang terlintas dalam pemikirannya. Malah manusia diwajibkan untuk bersuara menerusi kewajipan menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah dari kemungkaran (Rahimin Affandi & Mohd Faizal 2003).

## 2. Negara Islam

Bagi pemikir Islam yang berpandangan bahawa Islam adalah agama dan sekaligus negara, kuasa politik mesti berada di tangan umat Islam. Hal ini, misalnya ditegaskan oleh Abu 'Ala al-Maududi (dlm Ensiklopedia Dunia 2005) tokoh Islam India dan Pakistan. Menurutnya ajaran agama tidak dapat diamalkan tanpa kewujudan negara Islam kerana negara mempunyai kuasa politik yang diperlukan untuk mewujudkan ajaran agama.

Pada awalnya, istilah 'darul Islam' sering diterjemahkan kepada 'negara Islam'. Menurut ulama masa kini, terdapat tiga jenis negara Islam: jika perlembagaan menyebut negara itu sebagai negara Islam, majoriti penduduknya Islam dan syariat Islam diamalkan (contoh: Pakistan dan Iran); jika majoriti penduduknya Islam dan syariat Islam diamalkan meskipun dalam perlembagaan tidak disebut negara Islam (Sudan dan Arab Saudi); dan jika majoriti penduduknya Islam dan mengamalkan agama secara aman (Malaysia dan Indonesia). Pandangan ketiga ini tidak mensyaratkan perlembagaan menekankan istilah 'negara Islam' dan 'syariat Islam'. Ketiga-tiganya diakui oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) (Ensiklopedia Dunia 2005).

Dalam konteks negara Malaysia, penubuhan negara Islam dianggap tidak sesuai oleh bukan Islam disebabkan masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan kurang 60 peratus masyarakat Malaysia diwakili oleh orang Islam. Selain itu, jaminan perlembagaan bahawa Malaysia adalah negara sekular telah digunakan oleh masyarakat bukan Islam untuk menolak penubuhan negara Islam. Sebenarnya peruntukan perkara 3(1) boleh memberikan implikasi

yang besar kepada agama Islam. Oleh itu, bertitik tolak daripada peruntukan ini, ia boleh dijadikan asas yang amat baik dalam merealisasikan undang-undang Islam di negara ini sekiranya dilihat secara positif dan ditafsirkan mengikut tafsiran agama yang sebenarnya.

Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim (dlm Abdul Manaf Ahmad 2005) berpendapat perkataan agama itu sepatutnya dilihat dari perspektif Islam. Pendapat ini amat jelas bahawa Malaysia telah merdeka dan secara tidak langsung rakyat Malaysia juga telah merdeka dalam membuat penafsiran ke atas Perlembagaan Malaysia dan membebaskan diri daripada belenggu pemikiran yang bercanggah dengan mentaliti tempatan. Secara jelasnya menunjukkan bahawa kedudukan agama Islam yang diperuntukkan sebagai agama persekutuan itu boleh digunakan sebagai usaha untuk memperkembangkan Islam dalam semua aspek rohani dan jasmani dari aspek perundangan.

3. Kesesuaian dengan nilai-nilai sejagat

Selain itu, masyarakat bukan Islam juga menganggap negara Islam yang ditubuhkan mungkin bercanggah atau sukar dikompromikan dengan nilai-nilai sejagat zaman kini, umpamanya kesetaraan kedudukan jantina, agama dan bangsa, hak-hak asasi manusia dan prinsip-prinsip kebebasan dan demokrasi sedangkan agama Islam adalah agama yang universal yang sesuai untuk semua agama dan bangsa. Pandangan yang diberikan ini seolah-olah menunjukkan ajaran Islam kurang sesuai untuk dilaksanakan dalam masyarakat majmuk di Malaysia atau dalam kata lain bercanggah atau sukar dikompromikan dengan nilai-nilai sejagat. Secara tidak langsung pandangan ini menunjukkan mereka kurang memahami aspek keuniversalan ajaran Islam yang melangkaui aspek agama dan bangsa serta sesuai pada setiap ketika dan zaman.

Syariah Islam mempunyai ciri-ciri istimewa yang khusus yang tidak terdapat dalam syariah-syariah lain. Ia tepat, tidak bercanggah antara satu sama lain, tidak berkecamuk, serta seimbang. Rahsia syariah Islam yang sesuai untuk setiap zaman dan tempat ialah Islam membawa kaedah yang umum dan nilai-nilai serta dasar-dasar yang tetap, tidak berubah dan tidak bertukar ganti. Bagi masalah dan kejadian yang khusus yang timbul dalam lingkungan kaedah dan dasar-dasar ini, para ulama diminta untuk berfikir dan berjihad bagi mendapatkan hukumnya. Dengan ini, tidak timbul sebarang masalah baru melainkan ada hukumnya dalam syariah Islam.

4. Keuntungan/manifestasi kuasa politik kepada orang Melayu Masyarakat bukan Islam juga banyak menentang dasar-dasar penerapan nilai-nilai Islam kerana mereka merasakan dasar ini hanya akan memberikan keuntungan kepada orang Melayu yang juga dikaitkan dengan agama Islam. Oleh itu, langkah yang diperkenalkan untuk menanamkan penghayatan Islam yang lebih menyeluruh dilihat hanya memberi manfaat kepada orang Melayu yang majoritinya beragama Islam sahaja.

Menurut Abdul Aziz Bari (2006), persoalan masa depan kedudukan istimewa orang Melayu ini perlu dihalusi kerana ia adalah sebahagian daripada kerangka yang bersifat peribumi. Merubah kedudukan ini mungkin menyebabkan perseimbangan dalam perlembagaan terganggu. Kita tidak boleh melihat isu ini dari kacamata persamaan semata-mata. Apakah kedudukan istimewa Melayu ini tidak boleh dianggap juga sebagai simbol sejarah dan kedudukan orang-orang Melayu di Malaysia? Tidak kurang penting juga untuk difikirkan ialah apakah kedudukan istimewa itu telah secara jelas, tanpa keraguan, menyebabkan orang-orang bukan Melayu tertindas atau ternafi kedudukan dan hak mereka? Ini tidak seharusnya berlaku kerana peruntukan berkenaan mahukan kedudukan orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan yang sah kaum-kaum lain dipelihara. Mungkin yang menjadi masalah adalah pelaksanaan yang melampau, yang tidak selaras dengan maksud dan falsafah Perkara 153 itu sendiri. Dengan kata lain bukan peruntukan tersebut yang menjadi masalah. Perlembagaan tidak bermaksud membentuk budaya kronisme apabila ia mengizinkan orang-orang Melayu diberi kedudukan istimewa. Dakwaan menyatakan orang Melayu sebagai kroni di bawah Perkara 153 adalah satu penghinaan kepada tujuan mulia peruntukan tersebut. Begitu juga dengan penindasan dan penafian hak kaum-kaum lain yang cuba dihalalkan dengan merujuk kepada peruntukan itu.

Dalam ajaran Islam telah jelas, Islam menjamin hak semua kaum tanpa adanya diskriminasi kepada bukan Islam sekiranya setiap sudut ajaran Islam itu dilaksanakan dan dihayati dengan sebaiknya. Di sini dapat dilihat bahawa masyarakat bukan Islam masih tidak dapat merasai manfaat pelaksanaan ajaran Islam kepada mereka dan mereka berpandangan penerapan nilai-nilai Islam hanya memberi keuntungan kepada orang Melayu sahaja.

5. Bidang kuasa mahkamah syariah Penubuhan Mahkamah Syariah adalah berdasarkan Perlembagaan yang memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk mentadbir undang-undang

Islam yang diistilahkan sebagai Undang-undang Diri (Personal Law) berdasarkan kehendak jadual kesembilan Senarai 2 butiran 1, tetapi disertakan dengan sekatan-sekatan tertentu melalui peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan Akta-akta. Di samping itu, penubuhan Mahkamah Syariah ini adalah berdasarkan kehendak Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak bagi negeri-negeri seperti berikut: Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 bagi Selangor, 1953 bagi Kelantan, 1955 bagi Terengganu, 1956 bagi Pahang, Pulau Pinang dan Melaka, 1960 bagi Negeri Sembilan, 1962 bagi Kedah, 1963 bagi Perlis dan 1965 bagi Perak (Ensiklopedia Islam 1998).

Dari sudut sejarah, Mahkamah Syariah telah wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi dengan wujudnya undang-undang seperti Undang-undang Melaka. Semua negeri di Tanah Melayu mempunyai undang-undang Islamnya sendiri. Namun kewujudannya telah diganggu oleh penjajah sewaktu penjajahan mereka dan akhirnya Inggeris mula memperkenalkan undang-undang Common Law bermula dengan Perjanjian Pangkor 1786, Piagam Keadilan 1807 dan Piagam Keadilan 1824.

Hak orang Islam sebenarnya telah mula dinafikan secara tersusun semenjak 1786 lagi, dan hanya pada 1988 barulah mahkamah Syariah dapat bernafas semula. Artikel 121 (1A) ini juga tidak mengganggu hak orang bukan Islam. Sebenarnya ia memberi semula hak orang Islam yang telah lama dihilangkan walaupun undang-undang Islam adalah *lex loci*. Kewujudan mahkamah Syariah sebenarnya tidak langsung mengganggu hak orang bukan Islam di Malaysia.

Antara kesan sekiranya artikel 121 (1A) digugurkan ialah orang Islam akan kehilangan hak. Ia tidak sama sekali mewujudkan keharmonian dalam negara kerana orang Islam adalah penduduk majoriti di Malaysia. Sedangkan kewujudan 121 (1A) tidak pernah menghilangkan hak orang bukan Islam. Dalam kes Mohamad Abdullah atau M. Moorthy sebagai contoh sebenarnya tidak pernah dipaksa memeluk Islam. Selepas kematiannya, JAWI menuntut agar mayatnya dikebumikan menurut upacara Islam. Keluarganya tidak berpuas hati dan ada pihak cuba mengambil kesempatan dari kelemahan pelaksanaan undang-undang ini dengan cuba menjadikannya satu isu diskriminasi dan kehilangan hak orang bukan Islam. Ada pihak yang sedang memanipulasikan isu Moorthy agar ia kelihatan seperti isu Artikel 121 (1A), seterusnya mendesak ia dipinda. Artikel 121 (1A) tidak pernah mengganggu gugat hak orang bukan Islam. Ia cuma memberikan hak orang Islam dan mahkamah Syariah kembali kepada asal (Abdul Karim Zaidan 2002).

6. Islamisasi mempolarisasikan rakyat Malaysia sebagai Islam dan bukan Islam

Di dalam Islam terdapat beberapa prinsip akhlak dan salah satu daripadanya ialah prinsip persamaan. Dalam Islam tidak ada konsep status atau kelas sesama manusia. Ketinggian seseorang terletak kepada ketakwaan dan kemuliaan akhlaknya bukan pada harta dan keturunannya. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa konsep persamaan dalam Islam berteraskan keadilan, kesederhaan dan kesamarataan.

Betapa pentingnya keadilan di dalam Islam dapat dilihat melalui betapa banyaknya ayat al-Qur'an yang menyentuh soal ini sama ada secara umum atau khusus. Antara ayat al-Qur'an yang menyentuh keadilan secara umum adalah seperti dalam suruh an-Nahl 16:90 yang bermaksud "*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu, supaya kamu mengambil peringatan*". Penekanan Islam dalam soal keadilan dan menentang keras sebarang kezaliman membawa beberapa implikasi penting, iaitu masyarakat dan individu yang hidup dalam suasana adil ini akan sentiasa merasa hak-hak mereka terjamin kerana undang-undang sentiasa menyebelahi pihak yang benar walaupun ia lemah dan tidak akan menyebelahi pihak yang salah walaupun ia berkuasa.

Tidak hairan jika ada yang berkata: sebuah negara yang adil akan kekal walaupun ia negara kafir tetapi sebuah negara yang zalim akan musnah walaupun ia negara Islam. Oleh kerana keadilan dan berpegang teguh kepada keadilan merupakan ciri utama sistem masyarakat Islam, jadi mana-mana cubaan atau usaha untuk menghalang atau memesongkan perjalanan proses keadilan ini daripada landasan sebenar tidak dibenarkan oleh syariat Islam.

### **KAJIAN MENGENAI KEFAHAMAN ISLAM DI KALANGAN BUKAN ISLAM**

Penerimaan bukan Islam terhadap Islam di Malaysia adalah rendah berdasarkan pandangan-pandangan umum yang diberikan berkaitan dengan proses Islamisasi yang sedang berlaku di Malaysia. Penerimaan yang rendah terhadap Islam ini berkemungkinan disebabkan oleh kefahaman yang rendah mengenai ajaran Islam dan juga mungkin akibat daripada salah faham mereka tentang Islam. Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim (dlm Ridhuan 2008) pula berpandangan penerangan tentang Islam tidak banyak diberikan kepada orang bukan Islam. Ajaran Islam yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi, sehingga perkataan babi pun takut untuk digunakan dan digantikan dengan perkataan



khinzir. Apabila ini berlaku maka orang bukan Islam akan memandang serong kepada agama Islam kerana mereka tidak memahami kenapa sesuatu itu dilarang kerana tidak mendapat penjelasan yang terperinci.

Pandangan beliau telah menyokong kajian yang dijalankan oleh Osman Chuah Abdullah (2005) ke atas 100 orang responden yang terdiri dari masyarakat Cina yang bukan Islam mengenai kefahaman mereka mengenai Islam. Kajian yang dilakukan lebih memfokuskan kepada persepsi dan salah faham mereka terhadap Islam. Daripada 100 orang responden, 82 daripadanya menafikan Islam adalah salah satu cara hidup, 88 responden tidak mengetahui tentang rukun Islam dan 84 responden juga tidak mengetahui mengenai rukun iman. Melalui responden yang sama, 61 orang daripada mereka menafikan Muhammad pesuruh Allah. Hanya 60 mendakwa perkhatanan adalah satu aspek penting dalam Islam. Kira-kira 72 daripada mereka mendakwa Islam hanyalah satu agama sama seperti agama-agama yang lain. 90 responden pula menyatakan tiada orang Islam yang datang kepada mereka untuk memberi penerangan tentang Islam dan 80 orang daripada mereka menyatakan Islam adalah agama yang ketinggalan zaman (Chandra Muzaffar 1988).

Kajian yang dijalankan oleh Aminudin Ruskam al-Dawamy (2002) mengenai perspektif masyarakat Cina berpelajaran terhadap agama Islam di Malaysia pula mendapati responden bersetuju masuk Islam bermakna menjadi Melayu, masuk Islam memutuskan hubungan keluarga, amalan poligami tidak memberi keadilan kepada wanita, masyarakat bukan Islam diberikan maklumat yang kurang tepat mengenai ajaran Islam dan faktor orang Cina menganut Islam kerana tertarik dengan cara hidup orang Islam.

Menurut Chandra (1988) kebanyakan orang bukan Islam tinggal di kawasan-kawasan kota amat menyedari kewujudan Islam disebabkan usaha-usaha kerajaan untuk Islam dan juga kebangkitan Islam itu sendiri. Rancangan nilai-nilai Islam seolah-olah memberi asas pada keseimbangan ini. Oleh kerana nilai-nilai yang hendak disebar oleh kerajaan itu nampaknya bersifat sejagat, ahli-ahli politik dan cendekiawan bukan Islam telah sering bertanya mengapa ia harus disebut nilai 'nilai-nilai Islam' dan mengapa tidak disebar sebagai 'nilai-nilai sejagat'.

Dengan adanya label 'Islam' itu para penganut kepercayaan Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain merasa diketepikan. Ini mendalamkan lagi rasa terasing di kalangan orang bukan Islam dalam masyarakat yang polarisasi etnik sudah pun begitu serius. Oleh kerana kerajaan tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan kepada orang bukan Islam, ramai membuat kesimpulan bahawa kerajaan lebih mementingkan imej Islamnya tidak kira jika ini memecahbelahkan rakyat. Bagi mereka ini suatu alamat yang mencemaskan kerana ia membayangkan sambutan kerajaan terhadap Islam pada masa depan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan apa-apa kenyataan yang diperolehi melalui tulisan masyarakat bukan Islam mengenai proses Islamisasi yang sedang berlaku di Malaysia menunjukkan mereka masih belum dapat menerima perubahan yang ingin diterapkan. Kurangnya penerimaan mereka berkemungkinan boleh dikaitkan dengan kurangnya kefahaman mereka mengenai ajaran yang terkandung dalam agama Islam itu sendiri, sedangkan Islam adalah agama yang universal yang sesuai untuk semua agama dan boleh diaplikasikan pada setiap ketika dan tempat. Hal ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor dan salah satu faktor tersebut datangnya daripada kelemahan umat Islam sendiri yang tidak menyampaikan dakwah Islam dan tidak dapat memberikan contoh ikutan yang baik. Oleh itu, umat Islam perlu memainkan peranan yang lebih besar untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia melalui usaha-usaha dakwah yang lebih berkesan dan dalam masa yang sama tanggapan negatif bukan Islam mengenai Islam perlu dibetulkan. Keupayaan menyebarkan ajaran Islam yang tepat dalam masyarakat majmuk di Malaysia akan memberi peluang yang cerah untuk kestabilan dan kemajuan Malaysia pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz Bari. 2006. *Politik Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Abdul Manaf Ahmad. 2005. *Islam Hadhari dalam Negara Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Abdul Karim Zaidan. 2002. *Islam dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Ahmad Fadhli Shaari. 2001. Islamisasi di Malaysia: Satu sorotan pencapaian. <http://www.geocities.com/afadhli/politik2.htm>. [14 Februari 2008].
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. 2002. Agama, budaya, pendidikan, ekonomi, sejarah dan seni. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2*, hlm 14-28. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anil Netto. 2007. Mewujudkan Demokrasi: Bingkisan Masyarakat Madani Malaysia. Dlm. *Dinamik Perubahan dalam Masyarakat Pelbagai Budaya di Malaysia*. Petaling Jaya: Women's Development Collective (WDC).
- Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

- Ensiklopedia Islam. 1998. Jilid 1. Kuala Lumpur. Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad.
- Ensiklopedia Dunia. 2005. Jilid 9. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JAKIM. 2006. Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kamus Dewan*. 1997. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Ban Chen. 2002a. *Bumi di Pijak*. Kuala Lumpur: Oriengroup Sdn. Bhd.
- Lee Ban Chen. 2002b. *Sejarah sebagai Hakim Muktamad*. Kuala Lumpur: Oriengroup Sdn. Bhd.
- Mohammad Kamil Abdul Majid & Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2006. *Islam Hadhari sebagai Wahana Ilmu untuk Kecemerlangan Umat Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mohd Salleh Abas. 1985. *Unsur-unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Nazmy Sanusi. 2008. *Terlalu Islamik, Bukan Islam Takut?* Al-Islam, Februari: 8-11.
- Osman Chuah Abdullah. 2005. *Preaching to the Bukan Islam Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: International University Malaysia.
- Rahimin Affandi & Mohd Faizal. 2003. Adakah Malaysia sebuah Negara Islam?. *Jurnal YADIM* 5: 1-15.
- Ridhuan Tee. 2008. Persepsi Belia Cina terhadap Gerakan Politik UMNO. *Tesis Doktor Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sarjit Singh. 2006. Hubungan Etnik di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi. Dlm. Zaid Ahmad et al. Hubungan Etnik di Malaysia, hlm. 192-21. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Terence Chong. 2006. The Emerging Politics of Islam Hadhari. Dlm. Saw Swee-Hock & K.Kesavapany. *Malaysia Recent Trends and Challenges*, hlm. 26-46. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Thock Ker Pong. 2005. Hala tuju Politik Masyarakat Cina Malaysia Kontemporari Politik Desakan vs Politik Kompromi. *PEMIKIR*, Bil 41.
- Wan Zahidi Wan Teh. 2007. Malaysia adalah sebuah Negara Islam. Dlm. Laila Suriya Ahmad Apandi & Mohd Dino Khairri Shariffuddin. Islam dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain. *Demokrasi dan Dunia Islam*, hlm. 239-264. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.